



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8870 5051
Faks : 603-8870 6806
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/4 (I)
Tarikh : 30 April 2019

SENARAI EDARAN

PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2019

POLISI KESELAMATAN SIBER KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Pekeliling Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Bahagian, Jabatan dan Agensi di KPM mengenai Polisi Keselamatan Siber KPM versi 1.0 dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dalam menggunakan aset teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) KPM.

LATAR BELAKANG

2. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) KPM telah dibangunkan pada 23 Februari 2009 dan telah dikemaskini kepada versi 2.0 dan dikuatkuasakan penggunaannya bermula 23 Februari 2012 berdasarkan Surat Pekeliling ICT Bil. 1 Tahun 2012 bertarikh 19 Mac 2012.

3. Pengemaskinian DKICT KPM versi 2.0 kepada Polisi Keselamatan Siber KPM versi 1.0 dilaksanakan bagi memastikan dasar sentiasa seiring dengan keperluan penguatkuasaan kawalan yang menyeluruh dalam melindungi aset ICT Kerajaan serta selaras dengan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) Versi 1.0 April 2016 yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU dan pematuhan kepada *MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS)*.

4. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KPM Bil.2/2019 yang telah diadakan pada 16 April 2019, bersetuju mengguna pakai dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Polisi Keselamatan Siber ini.

POLISI KESELAMATAN SIBER

5. Polisi Keselamatan Siber mengandungi peraturan-peraturan yang mesti dibaca dan dipatuhi dalam menguruskan dan menggunakan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) KPM. Polisi ini juga menerangkan kepada semua pengguna di KPM mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT KPM.

6. Polisi Keselamatan Siber mengandungi 14 Bidang dengan 104 Kawalan Keselamatan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Polisi Keselamatan Maklumat;
- ii. Organisasi Keselamatan Maklumat;
- iii. Keselamatan Sumber Manusia;
- iv. Pengurusan Aset;
- v. Kawalan Capaian;
- vi. Kawalan Kriptografi;
- vii. Keselamatan Fizikal dan Persekitaran;
- viii. Keselamatan Operasi;
- ix. Keselamatan Komunikasi;
- x. Perolehan, Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem;
- xi. Hubungan Pembekal;
- xii. Risiko dan Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT;
- xiii. Keselamatan Maklumat bagi Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan; dan
- xiv. Pematuhan.

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI

7. Semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPM adalah dikehendaki mematuhi Pekeliling ICT Bil. 1 Tahun 2019 Polisi Keselamatan Siber KPM dan melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan di dalamnya. Semua Ketua Bahagian/ Jabatan/ Agensi adalah bertanggungjawab untuk memanjangkan perlaksanaan dan pematuhan ke atas pekeling ini kepada semua pegawai dan kakitangan masing-masing.

PEMATUHAN

8. Semua pengguna ICT KPM adalah dikehendaki mematuhi Polisi Keselamatan Siber KPM. Pematuhan terhadap polisi ini juga adalah tidak terkecuali kepada mana-mana individu termasuk pihak ketiga dan pembekal yang berurusan dengan mana-mana Bahagian/ Jabatan/ Agensi/ di bawah KPM. Borang Akuan Pematuhan dalam Polisi Keselamatan Siber seperti di Lampiran A atau A-1 hendaklah ditandatangani oleh semua pegawai, kakitangan dan pihak ketiga yang berkaitan.

PEMAKAIAN PEKELILING

9. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian/Jabatan/ Agensi di bawah KPM kecuali Badan Berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) dan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Polisi Keselamatan Siber KPM versi 1.0 boleh dimuat turun melalui portal rasmi KPM <http://www.moe.gov.my>.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, **Pekeliling ICT Bil. 1 Tahun 2012 Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Kementerian Pelajaran Malaysia** adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan Kepada:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
3. Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan
4. Timbalan Ketua Setiausaha Strategik
5. Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan
6. Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran